

SALINAN

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.**  
**BILANGAN 4/1971.**

---

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah dalam Negeri Terengganu.

Perhubungan Antara Penghulu Besar Dengan Penolong-penolongnya.

Adalah dimaklumkan bahawa ada didapati perhubungan antara Penghulu-penghulu Besar dengan Penolong-penolongnya tidaklah berapa menggalakkan. Ada antara Penolong-penolong Penghulu menjalankan tugas-tugas berkenaan dengan hal tanah dengan tidak ada perhubungan rapat dengan penghulu-penghulu Besar, Jadi penghulu besar tidak dapat mengetahui secara langsung dari segi kawalan dan kemajuan apakah sebenarnya kerja-kerja dijalankan oleh Penolong-penolong Penghulu itu. Yang fardunya patutlah tiap-tiap mukim itu mengadakan tugas-tugas kerja (duty list) bagi tiap-tiap penghulu. Yang demikian seorang Penghulu Besar itu bukan sahaja mempunyal tugas-tugasnya sendiri bahkan juga bertanggungjawab dan mengambil berat atas segala tindakan dan perjalanan yang dibuat oleh Penolong atau Penolong-penolongnya. Yang demikian saya harap tuan dapat tegaskan perkara ini di dalam Mesyuarat Bulanan Penghulu-penghulu. Untuk mencapai hasrat ini patut dimestikan laju tiap-tiap Penolong Penghulu hendaklah datang bermesyuarat dengan Penghulu Besarnya sekurang-sekurangnya 2 kali seminggu bukan sahaja beramah-tamah bahkan mengemukakan masalah-masalah yang berlaku dalam mukim samada dari segi kemasyarakatan ataupun undang-undang tanah.

2. Ada juga diketahui antara Penghulu-penghulu yang tidak faham kuasa-kuasa dan tanggungjawab di dalam Undang-undang Tanah ataupun Undang-undang Tarekah. Sukacita mendapat kerjasama tuan untuk menerangkan kepada semua Penghulu-penghulu berkenaan dengan seksyen 114 dan 405 Kanun Tanah Negara (berkenaan dengan batu-batu sempadan), Seksyen 432 dan 433 Kanun Tanah Negara (Berkenaan dengan notis-notis) dan Peraturan Tanah 34 dan 35 (berkenaan dengan tanaman padi), begitu juga seksyen 18 Undang-undang Tarekah bilangan 34/55 amatlah penting diketahui oleh semua Penghulu-penghulu kerana tiap-tiap Penghulu mestil tahu siapakah anak-anak buahnya yang berharta mati. Jika waris simati tidak mengambil tarekah dalam masa 6 bulan, maka adalah menjadi tanggungjawab Penghulu memohon membahagikan pesaka simati itu.

3. Di zaman pembangunan ini adalah penting bagi Penghulu-penghulu memainkan peranannya sebagai seorang kakitangan yang bertanggungjawab dan penuh minat kepada masyarakat kampung di mana Kerajaan terlibat dalam segi kemajuan-kemajuan yang dibuat, misalnya pembukaan tanah-tanah, pengambilan balik tanah-tanah dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian harapan saya ialah supaya semua Penghulu-penghulu bukan sahaja mematuhi kepada arahan-arahan Ketua dan Peraturan Undang-undang bahkan hendaklah mempunyal kesedaran sendiri untuk bersedia memberi perkhidmatan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan.

t.t.

(DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)  
 Pengarah Tanah dan Galian,  
 Terengganu.

Bil. (3) dlm. PTG.TR. 13/66/1(SEM)

s.k.

Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.  
 Pegawai Kemajuan Negeri, Terengganu.  
 Semua Penghulu-penghulu, Terengganu.

Kuala Terengganu, 21hb. Jun, 1971.